

Publication	Berita Harian	Section / Page	4	Date	15 March 2019
Headline	Belum Capai Tahap Isytihar Darurat Bencana				

Belum capai tahap isytihar darurat bencana

➔ Pengurusan, mitigasi hadapi krisis digerakkan seperti dalam darurat

✦ Kuala Lumpur

Pencemaran bahan kimia di Pasir Gudang yang dilaporkan menjejaskan ribuan orang awam, setakat ini belum mencapai tahap yang memerlukan pengisytiharan darurat bencana, namun pengurusan dan mitigasi bagi menghadapi krisis itu digerakkan kerajaan seperti dalam keadaan darurat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Hanipa Maidin, berkata krisis itu sedang ditangani kerajaan negeri yang sehingga kini tidak membuat permohonan kepada Kerajaan Persekutuan untuk mengisytiharkan darurat.

"Jawatankuasa pengurusan bencana Johor yang bermesyuarat pada Rabu lalu membuat keputusan bahawa kerajaan negeri masih boleh mengawal dan menanganai isu ini. Agensi-agensi yang terbabit dalam pengurusan krisis itu juga berpandangan insiden itu belum mencapai tahap bencana

untuk diisytiharkan darurat bencana.

"Pengisytiharan darurat bencana perlu melalui beberapa peringkat, iaitu ditangani di peringkat daerah, negeri dan Pusat. Buat masa ini, kerajaan negeri memaklumkan perkara itu boleh diselesaikan mereka dan tiada keperluan untuk membuat pengisytiharan (darurat)

"Walaupun tiada pengisytiharan darurat, kerajaan sudah menjalankan kerja seperti sudah ada darurat di kawasan terbabit," katanya ketika mengulung perbahasan usul tergepang untuk mengisytiharkan darurat di Pasir Gudang di Dewan Rakyat, semalam.

Usul tergepang dikemukakan Ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Abdul Kasim, dibahaskan empat Ahli Parlimen sebelum digulung oleh enam menteri atau timbalan menteri berkaitan. Sejak pencemaran dikesan pada 7 Mac sehingga kelaar, lebih 1,000 kes mangsa dilaporkan mengalami pelbagai simptom termasuk masalah respiratori.



Seorang mangsa dipercayai terhidu gas kimia berbahaya di Pasir Gudang dibawa ke Dewan Komuniti Taman Pasir Putih bagi mendapatkan rawatan kecemasan. (FOTO ADI SAFRI /BH)

Hanipa berkata, antara agensi kerajaan terbabit ialah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NAD-MA), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Kementerian Kesihatan, Jabatan Alam Sekitar (JAS), polis, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Pasukan Khas Pengurusan Bahan Berbahaya (HAZMAT), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Kementerian Pendidikan.

Sedia peruntukan RM8 juta

Sementara itu, katanya, Kerajaan Persekutuan bersetuju memberi peruntukan RM8 juta untuk kerja pembersihan sungai terjejas di Pasir Gudang, selain menyalurkan bantuan wang ihsan kepada setiap keluarga yang terkesan akibat krisis berkenaan.

Bercakap kepada pemberita di lobi Parlimen kemudian, Mohamed Hanipa berkata, usul pengisytiharan darurat tidak diterima Dewan Rakyat kerana tidak menepati kriteria mengikut Arahan No 20 Dasar dan Mekanisme

Pengurusan Bencana Negara, Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Beliau berkata, darurat bencana hanya boleh diisytiharkan jika sesuatu insiden itu membabitkan kematian dalam jumlah tinggi dan kerajaan negeri perlu memohon kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara.

"Selepas itu, ia akan dirujuk kepada Perdana Menteri dan beliau yang boleh membuat keputusan akhir (isytihar darurat bencana). Esok (hari ini), kita mungkin bincang lebih lanjut (kes pencemaran dalam mesyuarat Kabinet), tapi kita tak rasa akan isytihar darurat kerana perlu ada permintaan daripada kerajaan negeri," katanya.

Sementara itu, Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu dalam penggulungannya berkata, Tim Tinjau 'Chemical Biological, Radiological and Nuclear' (CBRN) dan Tim 'Casually Evacuation Unit' ATM telah digerakkan ke sekitar kawasan terjejas untuk mengesan, mengenal pasti dan menyalurkan sisa kimia itu.

"Tentera bersedia bila-bila masa mengikut keperluan, sama ada dalam keadaan biasa atau darurat, akan bertungkus lumus (membantu) membaik pulih kawasan itu. Jika perlu, dari semasa ke semasa kami boleh tambah unit lain untuk membantu kawasan terbabit termasuk mangsa sekali," katanya.

Buat pemeriksaan makanan
Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad pula berkata, selain bantuan perubatan dan pemeriksaan, kementerianya juga membuat pemeriksaan makanan bagi memantau tahap keselamatan makanan di kawasan terjejas, selain menjalankan penelitian bagi mengenal pasti air sungai di kawasan terbabit tidak mencemari kawasan tadahan air minuman.

Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik dalam penggulungannya, memaklumkan murid dan pelajar terjejas dan dimasukkan ke hospital akan memperoleh pampasan menerusi tuntutan perlindungan insurans Takaful Malaysia.